

Buletin ACIS

eISSN: 2600-8289

Safar / Rabiul awal 1440 — Oktober / November 2018

BIL: 07 / 2018



Qawiyyul Jism Jasmani VS Rohani

I-Talk:
3P&S In Food
Handling Process

Islam
dan
Sukan

i-MAP 2.0

i-HACE 3.0

Program "Islamic Sport And Recreation Carnival: Event Proposal
Competition (i-SPARK)"

Buletin ACIS

SIDANG REDAKSI

Penaung:

Prof. Dr. Nasrudin Mohammed
(Rektor)

Penasihat:

Hisam Satari
(Ketua Pusat Pengajian Acis)

Editor:

Mu'allim Bin Mohd Bakri

Sidang Pengarang:

Suhaila Binti Sharil
Nur Nabilah Binti Azimoha
Nuruul Hidayah Mansur
Mu'allim Mohd Bakri

PENERBIT

UiTM Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban
Persiaran Seremban Tiga/1,
70300 Seremban 3,
Negeri Sembilan, Malaysia

Jika berminat untuk
menghantar sebarang artikel
atau komen, boleh email ke
bulletin.acis.n9@gmail.com
muallim@ns.uitm.edu.my

Pengantar Redaksi

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera kepada pembaca budiman sekalian. Alhamdulillah, Buletin ACIS siri keduabelas atau siri ketujuh yang mempunyai e-ISSN ini berjaya diterbitkan. Tajuk Fokus bulan ini adalah "*Qawiyyul Jism: Jasmani VS Rohani*". Selain itu, terdapat banyak lagi hasil penulisan yang menarik di dalam keluaran kali ini. Semoga, buletin ACIS ini dapat memberi manfaat kepada para pembaca dan warga UiTM semua. Selamat membaca.

Isi Kandungan

- ⇒ Qawiyyul Jism: Jasmani VS Rohani (3)
- ⇒ I-Talk: 3P&S In Food Handling Process (9)
- ⇒ Program "Islamic Sport and Recreation Carnival:Event Proposal Competition (i-SPARK)" (11)
- ⇒ i-MAP 2.0 (13)
- ⇒ Islam dan Sukan (14)
- ⇒ i-HACE 3.0 (16)

HAKCIPTA TERPELIHARA
Terbitan Buletin ACIS ini diterbitkan
sebulan sekali


Qawiyyul Jism Jasmani VS Rohani

Oleh : Suhaila Binti Sharil

(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Rembau)



ertubuhan kesihatan Sedunia (WHO 2013) mendefinisikan kesihatan sebagai suatu keadaan fizikal, minda dan sosial yang sihat, cerdas serta bebas dari sebarang penyakit. Definisi ini menyimpulkan bahawa kepentingan faktor fizikal adalah sangat penting disamping mental dan sosial yang sihat. Empat komponen utama yang menjadi teras konsep gaya hidup sihat ialah peningkatan pengetahuan dan amalan pemakanan, peningkatan pengetahuan dan amalan menangani stress, peningkatan pengetahuan dan amalan anti-merokok dan peningkatan pengetahuan dan amalan sukan dan rekreasi. Tambahan pula, terdapat bukti kajian luar negara yang mendapati bahawa walaupun pengetahuan penduduk dunia terhadap gaya hidup sihat semakin meningkat, namun ia tidak diamalkan sepenuhnya dalam hidup sehari-hari lantas mengundang pelbagai risiko penyakit (Farooqi, Nagra, Edgar, & Khunti, 2000). Oleh yang demikian, artikel ini mengupas mengenai salah satu daripada muwasafat tarbiah iaitu qawiyyul jismi (sihat tubuh badan) dari segi keseimbangan jasmani dan rohani.



Douglas (1984) menjalankan kajian terhadap 943 orang atlet universiti di Connecticut dan mendapati bahawa wanita mempunyai pengetahuan pemakanan yang lebih baik berbanding lelaki. Namun begitu, lelaki mempunyai amalan pemakanan yang lebih baik berbanding wanita. Kajian Thatcher dan Rhea (2003) pula mendapati bahawa media massa, keluarga dan rakan sebaya merupakan pengaruh utama terhadap stil pemakanan pelajar.

kesihatan, stres juga telah mendatangkan pelbagai kesan negatif terhadap kemerosotan prestasi altet sukan (Davies, 1989; Kerr & Leith, 1993; Kerr & Svebak, 1994; Kerr & Van-Schaik, 1995).

Oleh itu, mengekalkan kesihatan bukan sekadar memakan makanan yang bermutu, bersenam dengan tekun dan mendapatkan rawatan apabila perlu. Namun, usaha ini memer-

Memilih gaya hidup aktif, terutama dalam lapangan sukan perkara biasa dalam kalangan penuntut universiti dan IPT. Namun, selepas seseorang keluar daripada universiti, kebanyakan mereka tidak istiqamah dalam lapangan sukan yang diceburi disebabkan kerjaya, keluarga dan sebagainya sedangkan ketajaman minda bermula dari badan yang sihat dan minda yang cerdas. Sukan yang disertai sama ada peringkat universiti, kolej maupun kebangsaan hingga-lah mewakili Negara akan terus meletakkan nama seseorang itu berada dalam kelompok berbeza (Salwani 2015). Akan tetapi, pelbagai cara yang boleh didapati untuk melahirkan kekuatan jasmani yang seimbang contohnya jogging, berenang, memanah, bermain badminton, dan menunggang kuda. Oleh yang demikian, kebolehpasaran juga melihat sejauh mana penglibatan seseorang dalam bidang jasmani kerana dengan kekuatan yang sihat, akal yang cerdas mampu untuk memberi dan merangsang minda supaya berkerja dengan lebih tekun dan efisyen.

Oleh kerana itu, Kementerian Kesihatan Malaysia telah merangka Pelan Strategik 2016-2020 bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat di bawah pencapaian akses sejagat penjagaan kesihatan berkualiti berdasarkan lima



Males dan Kerr (1996) melalui kajian tahap stres mendapati bahawa individu yang mempunyai jawatan atau tahap akademik yang tinggi memiliki tahap stres yang tinggi berbanding individu berpendidikan rendah. Nasution (2000) pula menegaskan bahawa stres yang berpanjangan akan mengganggu pola hidup individu sehingga kesihatan mereka mungkin terganggu. Selain kesan negatif terhadap

lukan pemahaman yang mendalam tentang fungsi badan serta bagaimana badan bekerja di dalam keadaan kesihatan yang optimum. Sihat bererti fungsi badan berada pada tahap yang optimum, yang membolehkan seseorang tidur dengan lena, bekerja dengan selesa, prestasi mental dan fizikal juga berada pada tahap yang cemerlang serta bebas daripada sebarang penyakit (Md Amin 2006).

objektif strategik iaitu peningkatan tahap kesihatan dan pengurangan risiko kesihatan, peningkatan akses dan ekuiti dalam penyampaian perkhidmatan, peningkatan tahap responsif sistem penjagaan kesihatan, penggunaan sumber yang optima dan yang terakhir peningkatan amalan gaya hidup sihat (KKM 2016). Justeru itu, pelan tindakan strategik ialah dengan memahami salah satu aspek yang terlibat dalam usaha pembangunan insan iaitu keperluan memastikan diri manusia berada dalam keadaan yang sihat. Kesihatan badan manusia yang baik memungkinkan seseorang itu mampu untuk membangunkan dirinya sendiri, sebaliknya badan yang tidak sihat akan menyukarkan lagi usaha pembangunan insan terhadap diri seseorang.

Berikut dilampirkan statistik berdasarkan domain kesihatan setiap negeri di Malaysia bagi tahun 2017.

Rajah 1.0 Statistik ini adalah berdasarkan Domain Kesihatan bagi tahun 2017

ID_NEGERI	NEGERI	DOMAIN	NILAI	TAHAP	TA-HUN
1	W.P. Kuala Lumpur	Domain Kesihatan	72.84	Sederhana	2017
2	W.P. Labuan	Domain Kesihatan	74.41	Sederhana	2017
3	W.P. Putrajaya	Domain Kesihatan	73.24	Sederhana	2017
4	Johor	Domain Kesihatan	70.98	Sederhana	2017
5	Kedah	Domain Kesihatan	76.62	Memuaskan	2017
6	Kelantan	Domain Kesihatan	74.72	Sederhana	2017
7	Melaka	Domain Kesihatan	72.36	Sederhana	2017
8	Negeri Sembilan	Domain Kesihatan	74.80	Sederhana	2017
9	Pahang	Domain Kesihatan	74.58	Sederhana	2017
10	Perak	Domain Kesihatan	73.75	Sederhana	2017
11	Perlis	Domain Kesihatan	73.78	Sederhana	2017
12	Pulau Pinang	Domain Kesihatan	74.88	Sederhana	2017
13	Sabah	Domain Kesihatan	74.56	Sederhana	2017
14	Sarawak	Domain Kesihatan	74.28	Sederhana	2017
15	Selangor	Domain Kesihatan	73.49	Sederhana	2017
16	Terengganu	Domain Kesihatan	76.91	Memuaskan	2017

Rajah di atas mengenai tahap domain kesihatan bagi setiap negeri di Malaysia bagi tahun 2017 yang dikaitkan dengan gaya hidup dan pemakanan serta aspek kesihatan mental dan fizikal. Statistik tersebut menunjukkan terdapat 2 negeri sahaja yang mencapai tahap memuaskan iaitu negeri Terengganu dan Kedah manakala negeri lain dalam keadaan domain sederhana. Kajian ini sejajar dengan konsep yang ditekankan oleh Stella Van Petten Henderson (1947) yang menjelaskan bahawa secara tabiinya bagi memastikan kesihatan tubuh badan manusia berada dalam keadaan baik, seseorang itu perlu memiliki tiga keperluan material iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal. Tiga keperluan material ini merupakan keperluan asas kepada kesihatan fizikal badan manusia. Konsep ini sangat berkait rapat dengan pandangan Ibn Khaldun (1979) yang mengkategorikan ilmual-Tib ke dalam klasifikasi ilmu fizikal yang membahaskan tentang organ tubuh badan dilihat dari segi gerak gerinya. Seterusnya beliau mendefinisikan ilmual-Tib sebagai ilmu yang membicarakan tentang keadaan sakit dan sihat dalam tubuh badan manusia.

Namun Hamka (2008) membincangkan tentang insan yang sihat tubuh badan dalam karya fal-

safah merangkumi pembahagian terhadap tabii badan manusia melalui dua bahagian utama iaitu bahagian fizikal badan yang dinamakan dengan tubuh kasar (jasmani) dan tubuh halus (rohani). Bahagian jasmani mampu digarap oleh pancaindera manusia dan menjadi perhatian bagi ahli-ahli perubatan seperti para doktor dan ahli farmasi. Manakala bahagian kedua adalah bahagian badan yang dinamakan tubuh halus (rohani) yang menjadi perhatian bagi ahli-ahli psikologi. Bahagian ini tidak mampu digarap oleh pancaindera manusia dan tidak termasuk dalam ruang lingkup pemerhatian bagi para doktor perubatan dan ahli farmasi.

Kedua-dua bahagian badan manusia, iaitu tubuh kasar (jasmani) dan tubuh halus (rohani), merupakan dua bahagian badan yang sangat berbeza di antara satu dengan lain. Walau bagaimanapun, Hamka (2007a) menjelaskan kedua-duanya saling berhubung kait dan saling mempengaruhi di antara satu dengan yang lain. Perkaitan di antara bahagian tubuh kasar (jasmani) dan tubuh halus (rohani) akan jelas kelihatan jika salah satu bahagian daripada jasmani atau rohani tidak sihat. Hamka (2007b) menyatakan bahawa hubung kait di antara bahagian jasmani dan bahagian rohani akan

kelihatan pada fungsi jasad sebagai tempat untuk bahagian rohani tinggal dalam diri seseorang. Kebaikan yang dimiliki bahagian rohani manusia akan ditimbulkan melalui bahagian jasmani manusia seperti melalui anggota badan. Sebagai contoh, seorang yang bahagian rohaninya bersih, hanya akan mampu membuktikan kebersihan rohani apabila bahagian jasmaninya bersih.

Sabda Rasulullah saw.

Maksudnya: Daripada Abi Hurairah, berkata: Bersabda Rasulullah saw maksudnya: "Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah: pada keduanya adalah baik. Bersungguh-sungguhlah mengerjakan ketaatan kepada Allah dan mohonlah pertolongan kepada-Nya dan janganlah engkau merasa lemah. Jika engkau ditimpa sesuatu musibah janganlah engkau ucapkan kalau aku berbuat demikian tidak berlakulah musibah itu, tetapi ucapkanlah Allah telah menakdirkannya dan apa yang Allah kehendaki pasti berlaku. (Hadis riwayat Muslim)

Melalui hadis ini, Rasulullah saw. sangatlah menyukai umat Islam yang mengamalkan gaya hidup sihat. Ini kerana, punca utama penularan penyakit adalah kerana amalan

kesihatan yang tidak sihat terutamanya amalan pemakanan seperti tidak melakukan aktiviti fizikal, merokok, mengalami tekanan perasaan, pengambilan alkohol dan sebagainya (WHO 2013). Punca ini dapat dielakkan jika individu mempunyai pengetahuan yang mencukupi terutamanya berhubung pencegahan penyakit dan faktor risikonya. Kebanyakan daripada individu mungkin sedar tentang

keburukan amalan gaya hidup mereka, tetapi sikap untuk memperbaiki amalan tersebut mungkin negatif. Dengan itu langkah pertama penjagaan kesihatan dan menghindari penyakit adalah melalui input maklumat yang akan mencektuskan pengetahuan bagi membawa perubahan dalam sikap serta gaya hidup individu (Bandura, 2001).

Oleh yang demikian, Hamka (2007b) menyatakan syarat utama untuk menjaga kesihatan badan adalah sentiasa memastikan keadaan jasmani badan sentiasa berada dalam keadaan bersih. Kebersihan menuntut segala keperluan untuk membersihkan badan dipenuhi supaya jasmani badan benar-benar menjadi bersih. Amalan kebersihan sememangnya merupakan tuntutan agama yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim. Malah Islam amat

prihatin kepada kebersihan, baik kebersihan individu, masyarakat atau alam sekitar kerana ia merupakan unsur terpenting dalam mencegah penyakit (Mohd. Muhiben 1998). Justeru itu, Islam mengaitkan amalan kebersihan dengan iman.

Aspek pemakanan juga perlu dijaga dan dilaksanakan dengan teliti. Hal yang demikian ini boleh dilakukan dengan cara makan dan minum secara sederhana banyak, iaitusekadar yang diperlukan, hanya makan makanan yang menyihatkan badan, tidak makan makanan yang boleh merosakkan badan dan hanya makan makanan yang dibenarkan oleh agama, iaitu makanan yang halal. Malah aktiviti fizikal badan seperti bersukan juga mesti diamalkan, bagi menjamin keadaan badan sentiasa sihat. Kesemua pendekatan tersebut mesti dilaksanakan secara bersepadau dan konsisten. Di samping itu, masyarakat perlu mendalamai ilmu daripada masa ke semasa, berkaitan kesihatan jasmani supaya kesihatan badan sentiasa diambil berat dan dipelihara (Manimaran Krishnan dan Sam-sudin 2014). Sepertimana firman Allah swt:

(laitu) orang-orang yang mengikut Rasul, Nabi yang ummi yang (namanya) mereka dapati tertulis di dalam Taurat dan Injil yang ada di sisi mereka, yang menyuruh mereka mengerjakan yang ma'ruf dan melarang mereka dari mengerjakan yang mungkar dan menghalalkan bagi mereka

segala yang baik dan mengharapkan bagi mereka segala yang buruk dan membuang dari mereka beban-beban dan belenggu-belenggu yang ada pada mereka. Maka orang-orang yang beriman kepada-Nya, memuliakannya, menolongnya dan mengikuti cahaya yang terang yang diturunkan kepada-Nya (Al Quran), mereka itulah orang-orang yang beruntung. (Al-A'raf 7: 157)

Manakala pendekatan yang sepatutnya diterapkan ketika menjaga kesihatan bahagian rohani badan adalah mempunyai keinginan untuk mendapatkan kebenaran dan sentiasa berusaha mendapatkan sebanyak mungkin pengetahuan yang benar. Oleh sebab itu, bagi memastikan rohani yang sihat, jauhilah daripada suka mendengar cerita orang lain, atau pujian orang lain terhadap maksiat, jangan diulang-ulang atau berlagu dengan lagu-lagu atau syair-syair yang berkisar tentang perkara maksiat, dan jangan sekali-kali menghadiri atau melibatkan diri dengan majlis-majlis maksiat. Semua keadaan ini perlu dijauhi, kerana ditakuti bahagian rohani seseorang akan terjebak dengan kekotoran rohani iaitu maksiat, maka amatlah sukar untuk menghilangkannya dan membendungnya apabila sifat tersebut menjadi suatu yang tabii dalam kehidupan setiap insan (Samsuddin & Latifah 2002). Sepertimana hadis Rasulullah saw yang bermaksud

sesungguhnya pada setiap tubuh ada segumpal darah yang apabila baik maka baiklah tubuh tersebut dan apabila rosak maka rosaklah tubuh tersebut. Ketahuilah, ia adalah al-Qalb. (al-Bukhari, Kitab al-Iman, Bab Fadl Man 'Istabra' li Dinih, No: 52)

Oleh yang demikian, untuk memastikan kesihatan badan manusia sihat secara keseluruhan, kedua-dua bahagian ini (rohani dan jasmani) perlu diberi penjagaan yang sempurna seiring dengan elemen dalam 10 muwasafat tarbiyah. Daripada penjelasan di atas dapat dibuat kesimpulan bahawa ilmu perubatan sebahagian dari ajaran Islam dan sunnah Rasulullah saw. sekaligus membuktikan bahawa agama Islam sebagai satu agama yang komprehensif dan universal. Kenyataan ini juga menolak dakwaan yang mengatakan Islam sebagai satu agama yang bertumpu kepada aspek kerohanian dan aspek ibadah semata-mata, malah Islam merupakan satu agama peneroka dalam segenap bidang atau disiplin ilmu termasuk aspek jasmani.

Dan

aspek kerohanian dan aspek ibadah semata-mata, malah Islam merupakan satu agama peneroka dalam segenap bidang atau disiplin ilmu termasuk aspek jasmani.



Rujukan

Al-Quran.

al-Bukhari, Muhammad Bin Isma'il. 2002. Sahih al-Bukhari. Dimashq: Dar Ibn Kathir.

Bahagian Perancangan Kementerian Kesihatan Malaysia. 2016. Pelan Strategik KKM 2016-2020.

Davies, D. 1989. Psychological factors in competitive sport. London: Burgess Science Press.

Douglas, P. D., & Douglas, J. G. 1984. Nutrition knowledge and food practices of high school athletes. *Journal of the Nutrition Education*, 84, 120 - 125.

Farooqi, A., Nagra, D., Edgar, T., & Khunti, K. 2000. Attitudes to lifestyle risk factors for coronary heart disease amongst South Asians in Leicester: A focus group study. *Health and Medical Complete*, 17(4), 293 - 297.

HAMKA. 2007a. Tasawuf Moden. Shah Alam: Pustaka Dini.

HAMKA. 2007b. Lembaga Hidup. Shah Alam: Pustaka Dini.

HAMKA. 2008. Lembaga Budi. Shah Alam: Pustaka Dini.

Ibn Khaldun. 1979. Tarikh Ibn Khaldun. Beirut. Mu'assasah Jammal li al-Tiba'ah Wa al-Nashr.

Kerr, J. H., & Svebak, S. 1994. The acute effects of participation in sports on mood. *Personality and Individual Differences*, 16 (1), 159 - 166.

Kerr, J. H., & Van-Schaik, P. 1995. Effects of game venue and outcome on psychological mood states in rugby personality and individual differences. *Journal of Psychological Mood*, 19(3), 407 - 409.

Males, J. R., & Kerr, J. H. 1996. Stress, emotional performance in elite slalom canoeists. *The Sport Psychologist*, 10, 36 - 40.

Manimaran Krishnan & Samsudin A Rahim. 2014. Hubungkait Komunikasi Kesihatan Dengan Kesan Hirarki Isu Kesihatan Terhadap Perubahan Amalan Gaya Hidup Sihat. *Jurnal Komunikasi*30(1) 2014: 140-169.

Md Amin Bin Md Taff. 2006. Tinjauan Tahap Pengetahuan Dan Amalan Gaya Hidup Sihat Di Kalangan Pelajar Semester Satu Ambilan Jun Sesi 2004/2005 Universiti Pendidikan Sultan Idris. Konvensyen Sukan Antarabangsa Teluk Danga 2007, Johor Bahru, Johor.

Mohd. Muhiden Abd Rahman.1998. Islam dan Perubatan: Satu Kajian Umum Mengenai Tibb Nabawi. *Jurnal Usuluddin*, [S.I.], v. 7, p. 185-192, june 1998.

Nasution, Y. 2000. Sumber stres bagi atlit pelajar. *Departemen Pendidikan Nasional Republik Indonesia*, 14, 23 - 30.

Noor Afifah binti Johari. 2018. Domain Kesihatan. [http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/domain-kesihatan/\[23 November 2018\]](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/domain-kesihatan/[23 November 2018]).

Salwani Md Zain. 2015. Bersukan Untuk Kecergasan. *Sinar Harian*. 22 April.

Samsuddin A. Rahim & Latifah Pawanteh. 2002 .Kajian Penilaian Kempen Cara Hidup Sihat.Bangi : Kementerian Kesihatan Malaysia.

Soh Kim Geok, Mohd Rozilee Wazir dan Chee Chen Soon. 2014. Kajian Sukan di Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Stella Van Petten Henderson. 1947. *Introduction to Philosophy of Education*. Chicago: The University of Chicago Press.

Thatcher, W., & Rhea, D. 2003. Influences of body image and disordered eating amongsecondary school students. *American Journal of Health Education*, 34(6), 343 - 350.

World Health Organization. 2013. The Burden of Disease. Geneva : World Health Organization. Diperoleh daripada [http://www.who.int/nutrition/t_HYPERLINK "http://www.who.int/nutrition/topics/2_background/en/%20%20\(11/09/2013\)" opics/2_background/en](http://www.who.int/nutrition/t_HYPERLINK \) .[21 November 2018]

I-TALK: 3P&S IN FOOD HANDLING PROCESS

Oleh : Nuruul Hidayah Binti Mansor
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Kuala Pilah)



21 November 2018 (Rabu) - Kuala Pilah: Program taklimat santai "i-Talk: 3P&S in Food Handling Process" yang telah diadakan di Dewan Kuliah 200 sejajar dengan penawaran program baharu ACIS Cawangan Negeri Sembilan bagi program Diploma Pengurusan Halal di kampus Kuala Pilah. Program ini merupakan satu inisiatif pensyarah untuk proses pengukuhan kuliah bagi kod kursus ISH100 (Introduction to Halal). Melalui program ini pelbagai aspek yang berkaitan dengan teori, kaedah, dan kepentingan dalam pemprosesan makanan dikongsi oleh pensyarah-pensyarah pakar yang dijemput khas dari Pusat Pengajian Teknolo-

gi Perindustrian, Fakulti Sains Gunaan Kampus Kuala Pilah.

PENGHARGAAN

ACIS merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kelulusan program melalui Tabung Amanah Pelajar (TAPA) UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah, Jawatankuasa Program "i-Talk:3P&S in Food Handling Process" dan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah dari Pusat Pengajian Teknologi Perindustrian (Puan Nursabrina Munawar, Puan Nadya Hajar, Dr Eddie Tan Ti Tjih dan Puan Rohasmizah

Hashim) di atas perkongsian ilmu yang sangat bermanfaat kepada warga pensyarah dan pelajar ACIS. Tidak dilupakan kepada perasmi majlis oleh Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan.

HASIL PROGRAM

Sesi taklimat program ini berlangsung bermula jam 10.00 pagi sehingga jam 4.00 petang seperti berikut:

Sesi taklimat 1	<i>Processing in Food Production</i> oleh Puan Nursabrina Binti Munawar
Sesi taklimat 2	<i>Storage in Food Production</i> oleh Puan Nadya Binti Hajar
Sesi taklimat 3	<i>Preparation in Food Production (HACCP)</i> oleh Dr Eddie Tan Ti Tjih
Sesi taklimat 4	<i>Packaging in Food Production</i> oleh Puan Rohasmizah Binti Hashim

Sesi perasmian berlangsung pada jam 4.00 petang dan dirasmikan oleh Prof. Madya Dr Abdul Halim Bin Ramli, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik UiTM Cawangan Negeri Sembilan. Turut dihadiri penyelaras program Diploma Pengurusan Halal, Ustazah Siti Aishah Binti Sokhibul Fadil, para pensyarah ACIS dan Teknologi Perindustrian serta mahasiswa Program Diploma Pengurusan Halal UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.



3P&S in Food Han-
dling Process

21 November 2018

LT200 Kampus Kuala
Pilah

PROGRAM “ISLAMIC SPORT AND RECREATION CARNIVAL: EVENT PROPOSAL COMPETITION (i-SPARK)”

Oleh : Nur Nabilah Binti Azimoha
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



Medium sukan yang kini dilihat sebagai salah satu nadi penghubung dalam masyarakat di negara kita kian berkembang. Melihat kepada permintaan penganjuran karnival sukan dan rekreasi semakin tinggi, satu pertandingan kertas kerja cadangan diadakan bagi memberi pendedahan kepada mahasiswa/i dalam mengendalikan acara sukan yang menepati shariah disamping menyulam nilai-nilai positif untuk ketengahhan dalam dunia sukan dan pengurusan. Semua mahasiswa/i yang mengambil kod kursus CTU266 Islam dan Pengurusan Sukan akan membentang kertas kerja cadangan bagi menganjurkan satu karnival sukan dan rekreasi yang menepati garis panduan Islam.

Pembentangan adalah berdasarkan hasil kajian terhadap penglibatan golongan belia yang kini lebih terdedah kepada aktiviti sihat dan bersifat fizikal. Sebanyak 4 orang juri profesional dilantik dalam kalangan pensyarah ACIS, pensyarah

Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi dan pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan untuk menilai dan menaksir mahasiswa/i ini.

Pihak Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Negeri Sembilan Kampus Seremban mengambil inisiatif untuk mengadakan program “ISLAMIC SPORT AND RECREATION CARNIVAL: EVENT PROPOSAL COMPETITION” (i-SPARK) bertujuan untuk menilai dan menaksir mahasiswa/i yang mengambil kod kursus CTU266 Islam dan Pengurusan Sukan. Penilaian dan penaksiran tersebut merangkumi 40% pemarkahan bagi kod tersebut.

Program i-SPARK ini berlangsung pada 31 Oktober 2018 di Bilik Mesyuarat Hal Ehwal Pelajar yang melibatkan 98 orang pelajar SR111 dan SR113 dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi,

yang melibatkan 98 orang pelajar SR111 dan SR113 dari Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Uitm Kampus Seremban. Menurut pengarah program i-SPARK, Ustazah Nur Nabilah binti Azimoha, antara objektif penganjuran program ini ialah melatih mahasiswa/i dalam mengaplikasi ilmu yang berkaitan dengan asas pengurusan Islam menerusi medium pembelajaran berdasarkan penerokaan (discovery based learning) dalam penganjuran sukan dan rekreasi.

Selain itu, program ini juga dapat memberi pendedahan kepada mahasiswa/i untuk menghubungkaitkan realiti pengurusan karnival sukan dan rekreasi di Malaysia dengan teori pengurusan Islam yang dipelajari di dalam kelas.



i-MAP 2.0

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri
(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Pada 31 Oktober 2018, sebuah program yang dinamakan Islamic Management Presentation 2.0 (i-MAP 2.0) telah diadakan. Program ini merupakan sebuah program yang dianjurkan buat kali kedua oleh pihak ACIS Kampus Seremban bagi menyahut hasrat agar sebuah program inovasi dalam pembelajaran dan pengajaran (P&P) untuk pelajar diploma dapat dihasilkan.

Program ini bertujuan untuk menilai dan memudahkan pembentangan pelajar diploma Fakulti Sains Pengurusan Pentadbiran dan Polisi (FSPPP) yang mengambil kod kursus CTU263 (Islam dan Pengurusan). Kategori yang diperlombakan adalah berbentuk perbentangan slide dan rakaman video mengikut kreativiti pelajar mengenai institusi-institusi yang mereka kaji.

Selain itu, melalui program ini boleh memudahkan pensyarah menilai hasil pembentangan pelajar dengan lebih terperinci.

Bagi mendapatkan hasil pembentangan yang lebih berkualiti, program ini diadakan seperti satu pertandingan dan terdapat tiga kategori hadiah disediakan kepada para pelajar. Hadiah-hadiah tersebut meliputi tempat pertama, kedua

dan ketiga.

Program ini diserikan dengan kehadiran Timbalan Rektor (Hal Ehwal Akademik) Prof Madya Dr. Abdul Halim Ramli selaku perasmian majlis penutup dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.



ISLAM DAN SUKAN

Islam adalah agama yang syumul yang mendidik umatnya untuk mencapai kebahagian akhirat tanpa mengetepikan perkara-perkara keduniaan. Islam juga menyediakan garis panduan kepada umatnya dalam segala aspek kehidupan seperti kerohanian, ekonomi, politik, sosial, kesenian, sukan dan sebagainya.

Dalam aspek sukan, terdapat pelbagai bentuk pertandingan dan peraduan yang dianjurkan saban tahun pada peringkat kebangsaan maupun antarabangsa seperti Sukan SEA, Sukan Olimpik, SUKMA dan sebagainya. Bahkan juga sukan dilihat dapat dijadikan sebagai alat untuk merapatkan ukhuwah di antara satu sama lain. Namun begitu, terdapat pelbagai isu yang timbul berkaitan pemakaian atlet, kejurulatihan, tempat dan bentuk pengajuran pertandingan bagi peserta Muslim.

Sukan ialah aktiviti fizikal yang dilakukan untuk pelbagai tujuan sama ada pertandingan dan juga kecemerlangan yang mempunyai peraturan tertentu. Rasulullah saw selalu mengingatkan kita untuk menjaga kesihatan dan tubuh badan yang sihat melalui kegiatan bersukan serta riadah sebagaimana sabda Baginda saw yang bermaksud:

“ Lemparkan (lepaskanlah anak panah) dan tunggankilah (kuda)”
Riwayat Muslim

Banyak hadis Rasulullah saw

Oleh : Nur Nabilah Binti Azimoha
(Pensyarah ACIS UiTM Kampus Seremban)



mengenai sukan yang sangat popular pada zaman Baginda yang dilakukan sendiri oleh Rasulullah saw seperti berkuda, menunggang kuda dan memanah.

Berdasarkan hadis Rasulullah saw tersebut, amat penting bagi kita untuk menjaga . kesihatan tubuh badan bagi mengelakkan daripada sebarang penyakit. Selain itu juga, umat Islam yang memiliki tubuh badan yang sihat serta fizikal yang kuat mampu mengeruni pihak musuh yang sentiasa mengambil kesempatan untuk melemahkan umat Islam dan menganggu keamanan agama Islam di negara ini.

Secara ringkasnya, Islam telah menyediakan garis panduan bersukan menurut Islam agar segala aktiviti sukan yang dilakukan mendapat keberkatan daripada Allah sekiranya tidak melanggar batas-batas syariat Islam. Selain itu, sukan juga dianggap sebagai ibadah jika ianya dilakukan dengan niat yang baik kerana Allah swt, tidak ada unsur-unsur yang bercanggah dengan akidah Islam, tidak meninggalkan dan mengabaikan kewajipan

yang difardukan, tiada unsur perjudian, menutup aurat dan tiada unsur-unsur pergaduhan serta permusuhan.

Dari aspek kejurulatihan menurut Islam, jurulatih dan atlet sukan sebaiknya mestilah terdiri daripada jantina yang sama namun sekiranya berbeza jantina, batas-batas pergaulan antara jurulatih dan atlet sukan hendaklah dijaga selaras dengan tuntutan syarak. Sebagai contoh, jurulatih lelaki tidak boleh menyentuh atlet sukan perempuan yang dilatihnya dan begitulah sebaliknya.

Penggunaan tempat bersukan juga diambil kira bagi menjaga adab dan etika sebagai seorang Muslim seperti penggunaan tempat bersukan yang melibatkan pencampuran lelaki dan perempuan adalah dilarang sama sekali. Selain itu, penggunaan tempat bersukan hendaklah disediakan secara berasingan tetapi sekiranya kemudahan penggunaan tempat tersebut tidak dapat sediakan secara berasingan sebagai alternatif jadual masa penggunaan bagi lelaki dan wanita hendaklah dilaksanakan.

Pemakaian atlet Muslim sangat dititikberatkan khususnya wanita. Islam. Pakaian sukan yang dipakai hendaklah memenuhi etika berpakaian yang ditetapkan oleh syarak seperti menutup aurat, sopan dan bersetujuan dengan sukan yang terlibat. Secara amnya, aurat bagi lelaki adalah antara pusat dan lutut. Manakala aurat perempuan adalah seluruh anggota badan kecuali muka dan dua tapak tangan.

Memakai pakaian yang menutup aurat tidak menghalang seseorang itu bersukan seperti yang ditunjukkan oleh Cathrie Astrid dari Australia yang beraksi pada Sukan Olimpik dengan pakaian yang menutup seluruh tubuh badannya. Begitu juga Nassim Hassanpour dari Iran iaitu peserta penembak air untuk Sukan Athens pada 2004.

Bagi pengurus yang menganjurkan

program sukan mestilah menitikberatkan adab dan nilai-nilai Islam seperti memilih masa dan tempat yang bersetujuan, tidak disertai dengan perbuatan-perbuatan yang haram dan maksiat, tidak mengandungi acara yang bersifat provokasi yang boleh menimbulkan prejuidis di antara peserta, tidak ada unsur-unsur pertaruhan, tidak melibatkan bahan-bahan yang dilarang seperti dadah, steroid dan sebagainya. Pihak pengadil juga hendaklah mengadili perlawanan dengan adil dan tidak berat sebelah kepada mana-mana pihak.

Kesemua sukan mempunyai objektif yang tersendiri. Antaranya melatih badan supaya menjadi lebih kuat, cergas dan lincah. Bahkan juga sukan dianggap sebagai hiburan dan keseronokan kepada atlet yang bertanding dan serta kepada penonton yang menyaksikannya.

Rasulullah saw bersabda yang bermaksud: “Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah swt berbanding mukmin yang lemah” (Riwayat Muslim)

Kesimpulannya, sukan bukan sekadar aktiviti yang dapat menyihatkan tubuh badan bahkan ia juga merupakan salah satu ibadat sekiranya diperlakukan mengikut syariat Islam. Setiap aktiviti sukan yang dilakukan perlu mengikuti garis panduan yang ditetapkan agar selari dengan pensyariatan Islam. Pelaksanaan sukan yang mantap mampu memupuk perpaduan diantara bangsa serta menjaga keharmonian dalam masyarakat majmuk.

Rujukan.

1. Yusuf al-Qaradhawi, 2014, Fiqh Hiburan dan Rekreasi, (terj.). Batu Caves: PTS Islamika Sdn. Bhd.
2. Azman Ab Rahman dan lain-lain, 2017, Modul Pertandingan Sukan & Peraduan Patuh Syariah, Nilai: USIM Publisher.

i-HACE 3.0

Oleh : Mu'allim Bin Mohd Bakri

(Pensyarah Kanan ACIS UiTM Kampus Seremban)



Pada 30 Oktober 2018 ACIS Uitm Kampus Seremban telah menganjurkan sebuah program yang dinamakan sebagai Islamic Heritage and Culture Exhibition 3.0 (i-HACE). Program ini merupakan kali ketiga dianjurkan setelah kali pertama dan kedua telah berjaya dianjurkan pada semester-semester yang lepas.

Program i-HACE 3.0 ini merupakan sebuah program yang melibatkan para pelajar degree yang mengambil kod kursus CTU553/555 (Hubungan Etnik). Program diadakan untuk menilai dan memudahkan pembentangan pelajar yang melibatkan pemarkahan dalam

subjek tersebut. Melalui program ini, para pelajar telah diberi peluang dan ruang untuk mengupas kandungan pembelajaran berkaitan kod kursus CTU553/555 dalam bentuk dokumentari video.

Bagi mendapatkan hasil video dokumentari yang lebih berkualiti, program ini diadakan seperti satu pertandingan dan terdapat tiga kategori hadiah disediakan kepada para pelajar.



Hadiyah-hadiyah tersebut meliputi tempat pertama, kedua dan ketiga. Program ini telah diserikan dengan kehadiran Ust. Nasif Sidquee Bin Pauzi (Koordinator ACIS UiTM Cawangan Seremban) selaku perasmian penutup program.

